



#### Syarahan IUFRO galak UPM Jalankan Penyelidikan Mengenai Hutan



*Prof. Dr. Don K. Lee menyampaikan syarahan di Fakulti Perhutanan baru-baru ini.*

**SERDANG, 26 Mac** – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan syarahan khas oleh Presiden International Union of Forestry Research Organization (IUFRO) yang bertujuan membuka peluang kepada penyelidik UPM menyertai bidang penyelidikan hutan baru-baru ini.

Presiden IUFRO, Prof. Dr. Don K. Lee berkata misi IUFRO untuk menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam penyelidikan hutan dan menyebarkan pengetahuan tersebut kepada pemegang saham dan pembuat keputusan bagi menyumbang kepada pembentukan dasar dan pengurusan tanah hutan.

Beliau berkata syarahan yang bertajuk 'Opportunities in R&D, Global Networking and International Funding in Forestry Related Sciences' dapat mengenalpasti bidang penyelidikan strategik selain meningkatkan penglibatan UPM dalam aktiviti yang dianjurkan oleh IUFRO.

"Syarahan ini membuka ruang dan peluang kepada pelajar sarjana dan doktor falsafah di Fakulti Perhutanan UPM untuk mengenal dengan lebih lanjut tentang pertubuhan IUFRO," katanya yang merupakan presiden kedua dari Asia selepas Datuk Dr. Mohd Salleh dari Malaysia.

Dr. Don berkata IUFRO ialah rangkaian kerjasama dunia bidang sains perhutanan mempunyai 15,000 saintis sukarela dan 700 organisasi dalam 110 negara.

Katanya Malaysia dan Korea telah lama bekerjasama dalam penyelidikan hutan melalui penghantaran pelajar sarjana dan doktor falsafah melanjutkan pelajaran dan membuat kajian mengenai pemuliharaan hutan.

"Selain itu kerjasama IUFRO dengan National Seoul University untuk menambah saiz hutan di seluruh dunia dengan kerjasama universiti dan negara membangun dapat mengurangkan kemusnahan dan pencemaran alam sekitar," katanya.

Beliau berharap dapat bekerjasama dengan Malaysia terutamanya UPM bagi menambah kapasiti hutan selain memelihara hutan di Malaysia dengan memperlihatkan kejayaan projek-projek terdahulu pada seminar tersebut.

IUFRO ialah organisasi bukan berasaskan keuntungan, bukan kerajaan dan tanpa diskriminasi diasaskan pada tahun 1892 dan kini telah berusia lebih 110 tahun.



*Antara staf dan pelajar yang hadir semasa syarahan tersebut.*

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.